



mariga

Amil Jaya





1

Kuala Kuamut tahun 1890 ...

WALTER FLINT menarik nafas lega. Kakinya yang lenguh kerana lama duduk terasa santai. Sudah tiga hari dia duduk bertinggung di dalam perahu yang sempit sejak mula berperahu memudiki Sungai Kinabatangan yang panjang itu. Kini baharulah sampai ke destinasi perjalanannya, Ulu Kuamut.

Dia berdiri. Pandangan matanya difokuskan ke hulu. Angin dari hulu sungai itu terasa sejuk nyaman mengusap tubuh dan rambutnya yang berwarna kekuningan. Dadanya kembang kempis menyedut udara segar dari hulu sungai. Walter Flint memandang ke hilir. Dia merenung air yang jernih itu dan memerhati riak-riak yang beralun di situ. Tidak lama kemudian dia mendongak, melihat kebiruan langit. Tompok-tompok awan putih bagaikan kapas terhampar menghias langit biru itu. "Fantastik," bisiknya. Nafasnya lega, mengagumi keindahan hutan-hutan tropika di dunia sebelah

sini. Panorama alamnya tidak seperti panorama di negerinya. Di sini biru hijau dan cerah manakala di negerinya sering berkabus dan berjerebu.

Dia senyum. Bayangan tanah dan pokok-pokok hutan belantara yang diidamkan sebelum berangkat ke Pulau Borneo dahulu, sudah ada di hadapan matanya. Hatinya menetapkan, di kawasan hujung tanjung inilah yang paling sesuai dijadikan tapak penempatan untuk dia mendirikan rumah kediaman.

Walter Flint mendongak, sekali lagi dia memandang langit. Sedarnya menghimbau, alam ini sebenarnya luas. Ia sedia untuk dijelajahi. Ada pelbagai khazanah di dalamnya. Namun, dia merasakan bahawa kehadirannya di Pulau Borneo ini adalah satu tugas suci, dalam rangka bagi bangsanya mahu menguasai dunia.

Alangkah seronoknya menjadi bangsa besar, fikir Walter Flint. Memang sejak kecil lagi, dia sudah diberitahu oleh ibu bapanya bahawa bangsa British adalah bangsa yang mulia, besar, berani dan berwibawa menguasai dunia. Dan untuk mengekalkan kebesaran dan kewibawaan itu, semua orang British harus berusaha menjelajah dunia dan mendapatkan tanah baharu atas nama bangsa dan negara British. Tanah itu harus dimiliki dan dikekalkan menjadi warisan anak-anak bangsa British sehingga dunia kiamat. Dasar dan hasrat inilah menjadi bekal Walter Flint datang ke Pulau Borneo. Kepada bangsanya, semua tanah di dunia, kalau boleh biarlah menjadi milik bangsanya. Kata-kata inilah yang selalu ditekankan kepadanya, dan dikhabarkannya

kepada ibu, ayah dan kaum kerabatnya di England. Mereka tentu sahaja akan bercerita panjang tentang kejayaan anak mereka meneroka hutan belantara Pulau Borneo yang liar dan menguasai penduduknya yang masih primitif dan tidak bertamadun itu.

Walter Flint mengangkat beg pakaian yang termampu oleh tenaganya. Dia dibantu oleh beberapa orang buruh upahan yang dibawanya dari Sandakan. Mereka berjalan menuju ke hulu sungai untuk mencari tapak yang sesuai mendirikan rumah.

Orang putih itu tidak membuang masa. Dia mengarahkan orang-orang upahan itu memulakan kerja mendirikan sulap untuk rumah sementara. Dia sendiri mula mengukur kawasan dan menandakan tempat tiang patut didirikan di persekitaran tanah lapang di hujung tanjung di tepi sungai itu. Terikat dengan janji, orang-orang upahan itu terpaksa mengikut arahan tuan muda itu. Mereka telah diberi upah yang cukup selain daripada bahan makanan yang dibekalkan kepada mereka. Tidak ada sebab mengapa mereka harus ingkar perintah bekerja di situ. Lagipun, mereka mengambil kira nama bangsa mereka. Nama bangsa itu perlu dijaga, supaya tidak ada cacat celanya pada mata bangsa-bangsa lain terutamanya bangsa Eropah.

Walter Flint berhenti mengukur. Derianya seperti terasa sesuatu. Hatinya mula terasa tidak tenteram. Degup jantungnya pantas. Jauh di dalam hatinya, dia merasakan ada sesuatu yang sedang mengintip pergerakan mereka dari celah-celah belukar di hadapannya.



Walter Flint melirik ke arah belukar ini. Dikisarkan pandangan matanya mengitari kawasan belukar di hadapannya. Ditelitinya persekitaran di situ cukup hati-hati. Namun, dia tidak nampak apa-apa. Dalam pada itu dia cukup yakin ada kelibat yang mencurigakan di dalam belukar di hadapannya itu.

“Kalian koreklah tanah untuk lubang tiang itu. Biar cukup dalam.” Flint berkata tanpa memandangi kepada orang-orang upahannya itu. Dia berdiri tanpa memandangi ke arah belukar itu lagi. Dia seolah-olah tidak mencurigai apa-apa di situ.

“Tuan mahu ke mana?” tanya salah seorang daripada orang-orang suruhan itu. Dia merasakan seperti ada sesuatu yang tidak kena dalam fikiran orang putih itu.

“Kalian harus waspada, saya berasa kurang enak. Deria saya kuat mengatakan bahawa kita sedang diintip dari celah-celah belukar di hadapan kita ini. Teruskan kerja kalian. Jangan berhenti. Buatlah seperti tidak ada apa-apa yang berlaku. Saya akan pergi menyiasat. Jangan takut, pistol ini boleh memecahkan kepala musuh dalam jarak 100 ela,” jelas Walter Flint. Dia cuba memberi semangat kepada orang-orang upahan yang pada pandangan matanya, sudah diresapi rasa takut dan bimbang.

Wajah Lumading yang menjadi ketua kumpulan orang-orang upahan itu kelihatan berubah. Walter Flint memahami makna perubahan itu. Ada imbas takut menyerlah pada wajah Lumading. Dia rasa bersalah



kerana keterlanjurannya memberi peringatan tanpa kata-kata perangsang terlebih dahulu. Namun, dia beranggapan dia masih belum terlambat.

“Engkau orang berani, Lumading. Saya tidak percaya engkau takut menghadapi orang jahat yang mahu membunuh engkau. Engkau sudah tunjukkan keberanianmu sebelum ini, sebab itu saya memilih engkau menjadi ketua dalam rombongan ini. Engkau seorang pendekar Bajau yang perkasa. Kenapa secara tiba-tiba saja engkau menjadi bacul begini?” tanya Walter Flint. Dia menyorot mata anak muda berbadan gempal itu.

“Mereka ada sumpitan tuan.” Lumading cuba menyanggah. Dia merenung mata orang Inggeris itu. Dia tahu orang-orang Murut menggunakan sumpitan sebagai senjata mereka. “Ipuh sumpitan dapat membunuh dari jarak jauh,” tambahnya.

“Pistol lebih pantas daripada ipuh sumpitan, Lumading. Kita boleh membunuh, jauh lebih pantas daripada mereka. Teruskan kerja-kerja kalian. Saya pergi menyergah mereka dari belakang,” jelas Walter Flint yakin. Dia mula melangkah dan berlari-lari anak.

Lumading kembali menjadi berani. Dia memegang hulu *pidaknya*. Wajahnya tidak lagi pucat. Matanya kelihatan bersinar-sinar. Hatinya bagai dirangsang apabila mendengar kata-kata pemuda Inggeris itu memuji keberaniannya.

Walter Flint membongkok. Dia berlari susup-sasap memasuki semak samun belukar di hadapannya. Be-



yang kamu tinggalkan. Kami saja yang terhindar daripada perbuatan durjana itu,” kata Lingad dengan linangan air mata. Dia menangis. Rasa pilunya cukup pekat. Hatinya menjadi sayu. “Kenapa susahkan kami, hidup saya tidak berarti lagi. Bukankah elok kalau kamu habiskan,” kata Lingad dalam esak sedihnya. Geramnya juga terlalu tinggi.

Jabid turut membendung geramnya. Mahu rasanya dia meradak perut orang Inggeris itu dengan parangnya, tetapi dia tidak memiliki senjata itu. Lagipun sejak kakinya dibaham buaya, ketangkasannya hilang.

Raffle Flint diam. Tuan Residen juga diam. Pun polis-polis kompeni itu juga diam. Mereka agak sayu juga mendengar perkataan Lingad dan melihat anak-anaknya yang menjadi sisa pembunuhan itu.

“Ini anak Walter Flint, ya?” kata Raffle Flint cuba mencubit pipi dua kanak-kanak yang bermata biru itu. “Biar saya bawa anak ini ke Sandakan. Saya pelihara dan sekolahkan mereka,” pinta Raffle Flint.

“Dia anak saya. Merekalah peninggalan Walter Flint kepada saya. Jangan rampas lagi kebahagiaan saya,” reaksi Lingad terhadap usul Raffle Flint. “Hidup saya sudah musnah. Jangan pula kalian musnahkan kebahagiaan saya,” tambah Lingad. Matanya galak memandang mata Raffle Flint.

“Saya tidak peduli. Saya mesti bawa mereka ke Sandakan,” tukas Raffle Flint. Dia cuba memegang bahu kedua-dua anak itu.

Alippin dan Ohdohon undur. Mata mereka enggan

melihat orang Inggeris di hadapan mereka itu. Tangan Raffle Flint tidak dapat menggapai tubuh mereka.

“Jangan ambil mereka. Mereka milik saya. Saya boleh pelihara dia di sini,” bantah Lingad. Suaranya lantang dan jelas. Matanya memandang mata Raffle Flint.

“You cannot take Lingad’s child. They belong to their mother. More over, you can’t bring them back to London. Our law is clear. No Eurasian are allowed come and live in our country. The law is such. So I think let them lives here with their mother.” Tuan Residen mencelah.

(Anda tidak boleh mengambil anak Lingad. Anak itu kepunyaan ibunya. Selain itu anda tidak boleh membawanya balik ke England. Undang-undang kita cukup nyata. Tidak ada kanak-kanak kacukan Inggeris-Asian dibawa balik ke England. Undang-undang sudah digubal begitu. Oleh itu, biarlah kanak-kanak itu hidup di sini dengan ibu mereka.)

“I know, Mr. Residen. I only take them to Sandakan. I will not bring them back to England. I understand the law. I just try to help the children to grow. When they become matured enough, I will returned them to their respect mother;” kata Raffle Flint.

(Saya tahu, Tuan Residen. Saya cuma membawa anak-anak itu ke Sandakan. Saya tidak mahu membawa mereka balik ke England. Saya mengerti tentang undang-undang itu. Saya cuma mahu menolong anak-anak itu membesar. Apabila sudah matang, saya akan

kembalikan mereka kepada ibunya.)

"But you have heard their mother's word. Her intention is clear. She want to grow the children with her. I think let the children live happily here." Tuan Residen mencadangkan.

(Tetapi anda pun sudah mendengar suara hati ibunya. Dia mahu membesarkan anaknya di sini bersama-samanya. Pada fikiran saya, anak-anak itu eloklah hidup di sini di sisi ibunya. Mereka akan sentiasa gembira.)

"Pity on them, Sir. I know the life of the Murut, Sir. Soon they will moved to another river to start a new village there. So how can I trace them in the large forest like this?" Raffle Flint menyatakan pandangannya.

(Kasihlah ke atas nasib kanak-kanak itu. Saya tahu tentang kehidupan orang-orang Murut itu. Sekejap lagi mereka akan berpindah ke sungai lain untuk memulakan hidup baru mereka. Kalau begitu, bagaimana saya dapat mengesan hidup mereka di dalam hutan belantara ini.)

"What to do, Mr. Flint. You have to accept the fact, that their mother have the right to keep them. You cannot take them by force. The law in Borneo is so. Child should be under their mother care," jelas Tuan Residen.

(Apa nak dikata, Encik Flint. Anda haruslah menerima hakikat kehidupan di sini. Ibu mereka mempunyai hak memelihara anaknya. Anda tidak boleh mengambilnya secara paksa. Undang-undang Borneo adalah undang-undang yang sah. Kanak-kanak

mestilah di bawah pengawasan ibunya.)

"All right, Mr. Residen. I think I can do nothing. Let us move back to Sandakan. The faster we go, the better for us," kata Raffle Flint mengakhiri hujahnya.

(Baiklah, Tuan Residen. Saya fikir saya tidak boleh berbuat apa-apa. Marilah kita bergerak ke Sandakan. Lagi cepat kita pergi, lagi baik buat kita.)

"Sarjan, sila hitung berapa orang yang terbunuh untuk tujuan rekod kompeni," arah Tuan Residen.

"Sudah, tuan. Seramai 140 orang lelaki terbunuh. Wanita, kanak-kanak dan orang tua seramai 180 orang," jelas sarjan polis itu. "Manakala pasukan kita kehilangan dua konstabel."

"Catat jumlah itu. Ia perlu diberitahu kepada Gabenor dan dihebahkan kepada orang ramai, sebagai peringatan kepada mereka, bahawa tidak ada sesiapa dapat menentang pemerintahan kompeni dan tiada siapa yang boleh membunuh orang Inggeris. Siapa berani menentang, maut padahnya. Lagipun pemerintahan kompeni kuat dan perkasa," jelas Tuan Residen.

Lingad menangis. Air matanya berderai mencururi pipinya yang gebu itu. Hatinya cukup rawan dan sebak. Kematian ayah dan ibunya cukup tragik. Tubuh mereka ditembusi peluru senapang. Dia cukup berasa kehilangan. Kesayuan dan kedukaannya berulang kembali. Sayu, pilu dan duka inilah yang terkesan di hatinya ketika suaminya Walter Flint mati dahulu.

Tubuh Lingad bergoncang. Dia berusaha menahan runtunan duka itu. Semakin dia bertahan semakin kuat goncangan tubuhnya.



Dia menggapai tangan Jabid. Jari-jemari jejak yang pernah dikecewakan itu digenggamnya kejam-kejam. Tangan itu seperti tangannya, menggeletar. Tahulah dia bahawa kesayuan dan kedukaannya menyebati dan meresap ke dalam hati nurani Jabid. Dia tidak keseorangan menempuh duka pilu kali ini. Dia bersama-sama jejak malang yang sedikit demi sedikit mula menambat hatinya.

“Jabid, saya hanya ada engkau sekarang,” ujar Lingad. Dia menggenggam jari-jemari jejak malang itu. Mata mereka sayu melihat rakit kompeni itu menghilir. Penumpang rakit itulah yang memusnah dan meranapkan kampung halaman dan kaum keluarga mereka. Air mata mereka berderai dan bercucuran di pipi mereka.

mariga



Dari kecil lagi Walter Flint sudah diberitahu oleh ibu bapanya bahawa British adalah bangsa yang mulia, besar, berani dan berwibawa menguasai dunia. Dan untuk mengekalkan kebesaran dan kewibawaan itu, semua orang British harus berusaha menjelajah dunia dan mendapatkan tanah baharu atas nama bangsa dan negara British. Atas dasar dan hasrat itulah, Walter Flint datang ke Pulau Borneo....

Namun, pewaris bangsa hebat ini jatuh cinta di Ulu Kuamat, kepada Lingad si gadis Murut. Dapatkah cinta membezakan bangsa? Cinta itu buta, ia indah di mana-mana, tinggi rendah darjat manusia, bukan halangan untuk cinta. Akan tetapi, seperti bangsa besar itu, bangsa di pedalaman itu juga punya tradisi dan budaya mereka. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Di sinilah Walter Flint terperangkap dalam jaringan cinta dan budaya ... untuk mendapatkan cinta, dia perlu menerima budaya itu sekali. Dan, mariga telah merobah kehidupan Walter Flint, juga kehidupan di daerah pedalaman itu.

Mariga bukan sekadar kisah cinta, ia adalah maruah suatu bangsa.

ISBN 978-983-46-0777-7



03000

9 789834 607777